

Pilih BETUL atau SALAH berdasarkan pernyataan berikut.

BIL	PERNYATAAN	BETUL / SALAH
1.	Makanan kering perlu disimpan dalam peti sejuk beku bagi mengelakkan serangan serangga.	BETUL SALAH
2.	Makanan dalam tin yang tidak habis dimakan perlu disimpan dalam bekas bertutup dan disimpan dalam peti sejuk.	BETUL SALAH
3.	Makanan kering perlu disimpan pada suhu bilik dan dipastikan tidak terdedah kepada cahaya matahari.	BETUL SALAH
4.	Makanan yang telah dimasak boleh disimpan bersama dengan makanan yang mentah.	BETUL SALAH
5.	Sayur-sayuran dan buah-buahan perlu disimpan dalam peti sejuk beku.	BETUL SALAH
6.	Simpan daging, ayam dan ikan dalam bekas, beg plastik yang kedap udara atau dibungkus dengan pembungkus polyethylene.	BETUL SALAH
7.	Bahan-bahan masakan boleh disimpan dalam rak dengan padat.	BETUL SALAH
8.	Sayur-sayuran perlu dibungkus dengan bekas plastik yang berlubang.	BETUL SALAH
9.	Makanan yang telah dimasak boleh dibiarkan terhidang lebih dari 4 jam pada suhu bilik.	BETUL SALAH
10.	Boleh menyimpan daging, ikan dan ayam/ itik di dalam peti sejuk beku lebih dari 3 hari.	BETUL SALAH

Pilih jawapan yang betul berdasar soalan yang diberikan.

- 1) Apakah suhu bilik yang sesuai?
 - A. 18 °C
 - B. - 1 °C
 - C. 25 °C

- 2) Makanan yang telah dimasak perlu _____.
 - A. dibungkus dalam pembungkus kertas.
 - B. dimasukkan ke dalam bekas dan disimpan di dalam peti sejuk.
 - C. dimasukkan ke dalam bekas dan disimpan di rak penyimpanan.

- 3) Cara penyimpanan yang sesuai untuk rempah ratus ialah _____.
 - A. penyejukan
 - B. penyimpanan suhu bilik
 - C. pembekuan

- 4) Pilih yang jawapan yang benar mengenai penyimpanan sejuk beku.
 - A. Ayam dan daging boleh dimasukkan dalam satu bungkus pembungkusan.
 - B. Sayur dan buah-buahan boleh disimpan dalam peti sejuk beku.
 - C. Ikan perlulah dibungkus atau disimpan dalam bekas yang sesuai sebelum disimpan dalam peti sejuk beku.

- 5) Makanan dalam tin yang telah dibuka perlulah _____.
 - A. dimasukkan dalam bekas yang sesuai dan disimpan di dalam peti sejuk dingin.
 - B. disimpan dalam peti sejuk dingin menggunakan tin.
 - C. dibuang sekiranya tidak habis digunakan.